

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan data penjawat awam di Sarawak khususnya daripada segi keseimbangan pembahagian komposisi kaum khususnya kaum Dayak (Iban) dalam menjawat jawatan tertinggi Kerajaan di sektor awam.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pada masa ini, Pecahan komposisi Kumpulan Pengurusan Tertinggi mengikut kaum yang bertugas di Sarawak adalah seperti berikut:

KAUM	BILANGAN	PERATUS
Melayu/ Melayu Sarawak	48	39.67%
Cina	46	38.02%
Dayak	13	10.74%
Melanau	6	4.96%
India	4	3.31%

SOALAN NO : 17

Bisayah	1	0.83%
Kadazan	1	0.83%
Kedayan	1	0.83%
Kelabit	1	0.83%
JUMLAH	121	100.00%

Keseluruhan pegawai awam kaum Dayak dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di kesemua agensi Kerajaan adalah seramai **31 orang**. Pegawai awam kaum **Dayak** dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi yang **bertugas di Sarawak** hanyalah seramai **13 orang**.

Kerajaan tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sentiasa memberi ruang dan peluang yang saksama kepada penjawat awam untuk mengisi jawatan di peringkat pembuat keputusan dan strategik, termasuk jawatan KSU dan KP selaras dengan peruntukan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam.

Memandangkan bilangan jawatan-jawatan tersebut adalah terhad, proses pertimbangan pengisian perlu melalui suatu proses pemilihan yang ketat berdasarkan **merit, prestasi, kelayakan, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, integriti dan kesesuaian penerimaan di peringkat Kementerian atau Jabatan**. Ini adalah bagi memastikan, pegawai yang mengisi jawatan-jawatan berkenaan adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkebolehan.

Sekian, terima kasih.